



Pembukaan semula sektor ekonomi pacu pemuliharan ketara

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi - Ogos 14, 2022 @ 4:45pm

bhnews@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Ketegasan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob untuk membuka semula semua sektor ekonomi sejak 1 April lalu mula membawakan hasil dengan pencapaian ekonomi terkini mula menunjukkan prestasi meyakinkan.

Ketua Penerangan UMNO, Shahril Hamdan, berkata data ini boleh dilihat dengan pengumuman Bank Negara Malaysia (BNM) sebelum ini bahawa Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara berkembang sebanyak 8.9 peratus bagi suku kedua tahun ini dan unjuran 6.3 peratus secara keseluruhan bagi 2022.

Katanya, prestasi itu dipacu antara lain oleh ketegasan Perdana Menteri sejak awal lagi bahawa tidak akan ada sebarang penutupan ekonomi lagi dan keputusan ke fasa peralihan ke endemik pada 1 April lalu.

"Hampir semua sektor dibuka semula, (dan ini) memberi keyakinan kepada syarikat, majikan dan pelabur untuk merancakkan aktiviti.

"Kesihatan awam terus terkawal dengan kapasiti hospital dan pengurusan kes berkenaan COVID-19 ditangani dengan baik," katanya dalam kenyataan di akaun Facebook beliau, hari ini.

Shahril berkata, angka ini juga antara pelaporan mutakhir yang memberi isyarat jelas bahawa dari sudut makro, ekonomi Malaysia berada di landasan baik untuk terus pulih daripada kesan COVID-19 dan mendepani cabaran seterusnya.

"Angka-angka mutakhir menggambarkan Malaysia memiliki daya tahan yang kukuh dalam menghadapi situasi yang mencabar," katanya.

Selain itu, katanya, fokus kepada mengurangkan kadar pengangguran antara faktor besar yang menyumbang kepada impak positif pertumbuhan ekonomi.

"Lebih ramai Keluarga Malaysia sudah kembali bekerja. Kadar pengangguran turun ke 3.8 peratus pada Jun 2022 iaitu menghampiri tahap pra-COVID-19. Sejak kepemimpinan kerajaan diambil alih Naib Presiden UMNO, tahap pekerjaan meningkat sebanyak 400,000 pekerjaan.

"Walaupun kita masih menghadapi isu 'underemployment' (gaji tidak setimpal), isu asas 'unemployment' terus ditangani supaya rakyat dapat bekerja, bergaji dan berpendapatan lantas menggerakkan ekonomi dan diterjemah kepada segala angka makro yang tercatat," katanya.

Beliau berkata, di samping berita positif, cabaran ekonomi iaitu inflasi dan 'underemployment' masih wujud, dengan kerajaan diyakini sedang berusaha menanganinya supaya angka makro dapat diterjemahkan kepada rakyat majoriti dengan lebih menyeluruh.

"Sebab itu, subsidi yang dibelanjakan tahun ini akan mencecah RM77 bilion. Ini termasuk subsidi petrol RON95 yang mana kerajaan beri subsidi hampir RM2.50 bagi setiap liter, subsidi elektrik di mana kerajaan belanja sebanyak RM5.8 bilion dan pelbagai subsidi lain untuk terus mengurangkan tekanan harga.

"Beberapa perkembangan dunia tetap perlu diperhatikan antaranya perang Ukraine-Russia, gangguan rantaian bekalan dan dasar monetari negara lain yang agresif menaikkan kadar faedah. Semuanya sedang memberi kesan kepada Malaysia dan beberapa langkah akan terus diambil mengikut kesesuaian semasa," katanya.